

AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 3****RUANGAN : NASIONAL**

Pertimbang peruntukan khas sistem digital di HKL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mempertimbang peruntukan khas untuk membangunkan sistem pendigitalan rekod pesakit di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Kemudahan kesihatan itu yang usianya mencecah 153 tahun, sehingga kini menguruskan dokumen pesakit secara manual, membabitkan 'pergerakan' ke luar masuk hampir 16,000 rekod sehari.

Menyatakan hal ini, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata langkah membangunkan sistem sedemikian dapat membantu HKL menguruskan dokumentasi pesakit dengan lebih lancar dan berkesan.

"Kita sudah dengar tadi, betapa HKL ini kalau sebenarnya kita dapat pendigitalan (rekod pesakit) itu, sangat membantu."

"Insya-Allah, kita akan memberikan peruntukan khas pendigitalan di HKL," katanya selepas melancarkan Buku Coffee Table *COVID-19 HKL* di HKL, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah HKL, Datin Paduka Dr Rohana Johan.

Terdahulu, Dr Zaliha mendengar taklimat daripada Dr Rohana berhubung situasi di HKL, termasuk pengurusan pesakit secara manual.

Dalam taklimatnya, Dr Rohana berharap langkah pendigitalan sistem di HKL dapat dilaksanakan segera, terutama dalam pengurusan rekod pesakit di hospital itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Pengalaman petugas HKL hadapi Covid-19 dibukukan

FOTO: BERNAMA

Usaha melawan wabak itu tiga tahun lalu diceritakan dalam *Coffee Table Book Covid-19 HKL*

KUALA LUMPUR:

Pengalaman petugas Hospital Kuala Lumpur (HKL) melawan wabak Covid-19 tiga tahun lalu diceritakan dalam sebuah buku bertajuk *Coffee Table Book Covid-19 HKL* yang dilancarkan pada Jumaat.

Buku dengan tema 'Taming the Tempest' yang diterbitkan HKL itu dilancarkan oleh Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa ketika lawatan rasmi beliau ke hospital itu semalam.

Beliau berharap buku itu dapat memberi inspirasi kepada semua dan mengangkat perihal pentingnya peranan dimainkan oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Buat masa ini, buku tersebut tidak dijual



Dr Zaliha (tengah) bersama Pengarah HKL, Datuk Dr Rohana Johan ketika melancarkan Buku *Coffee Table Covid-19 HKL* ketika menghadiri lawatan rasmi ke Hospital Kuala Lumpur pada Jumaat.

kepada umum dan hanya untuk bahan bacaan di perpustakaan HKL.

Hari ini, 18 Mac merupakan ulang tahun ketiga negara mula melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama susulan pandemik Covid-19 melanda dunia.

"Di sebalik pahit manis yang dilalui, warga kerja HKL khasnya dan KKM amnya tetap berusaha memberi perkhidmatan terbaik berkiplatkan objektif utama menyelamatkan

nyawa dalam memberi perkhidmatan perubatan berkualiti tanpa mengira agama, bangsa serta darjah," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha turut mengumumkan peruntukan RM1 juta untuk HKL bagi tujuan inventori dan perolehan aset serta tidak menolak kemungkinan jumlah itu akan ditambah bagi usaha pendigitalan HKL berikutnya 16,000 rekod pesakit kini dikendalikan secara manual setiap hari. - Bernama

AKHBAR : THE STAR**MUKA SURAT : 2****RUANGAN : NATION**

RM1mil boost for HKL to ensure best service

KUALA LUMPUR: Hospital Kuala Lumpur (HKL) has received a RM1mil boost from the government for asset procurement as well as to improve its inventory to ensure the best service for people in the Klang Valley, says the Health Minister.

Dr Zaliha Mustapha said the 150-year-old hospital managed about 50,000 in-patient services at its wards each year, which reflected the commitment of its staff.

"Actually, the hospital requires more than RM1mil but we have approved that amount for the purpose of asset procurement and inventory," she told reporters after a visit to the hospital yesterday.

She said her ministry is also considering a special allocation to HKL for the digitalisation of patients' records.

It was revealed during a briefing by HKL director Datuk Paduka Dr Rohana Johari that the hospital is relying on manual methods to store about 16,000 patients' data in a day. This is kept at Wisma Kayu.

Dr Zaliha said digitalisation would help ease the burden of HKL management in storing data and to manage it more efficiently.

Asked about the government's plan to attract private general practitioners to join the initiative to extend operation hours at public health clinics, Dr Zaliha said the ministry could only encourage them to participate.

"When we extend the hours, we need more help," she said.

Earlier, Dr Rohana briefed the minister on efforts taken to reduce congestion and overcrowding at HKL. This included ensuring patients get a bed at the ward as soon as possible, said Dr Rohana.